

Pemandu lori hantar mesej lucah didenda RM6,000



MOHD. RAZMAN keluar selepas dijatuhkan hukuman denda oleh Mahkamah Sesyen Petaling Jaya semalam.

PETALING JAYA – Perbuatan seorang pemandu lori menghantar mesej lucah kepada seorang wanita tidak dikenali mengundang padah apabila dia didenda RM6,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini semalam.

Mohd. Razman Ramli, 32, selaku orang kena saman (OKS) dikenakan hukuman itu selepas mengaku bersalah di hadapan Hakim Jamaludin Mat.

OKS berdepan hukuman penjara tiga bulan sekiranya gagal membayar denda, Mohd. Razman membayar denda tersebut.

Mohd. Razman didakwa menggunakan aplikasi What-

sApp secara sedar membuat dan memulakan penghantaran komunikasi lucah kepada seorang wanita dengan niat untuk menyakitkan hati.

Mesej dilihat di sebuah rumah di Ara Damansara di sini pada pukul 2.49 petang, 20 April 2020.

Pendakwaan dibuat mengikut Seksyen 233(1)(a) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 yang membawa hukuman denda sehingga RM50,000 atau penjara maksimum setahun atau kedua-duanya.

OKS merayu hukuman ringan kerana menyesal dengan perbuatan tersebut dan berjanji tidak

akan mengulanginya lagi.

“Selepas bercerai, saya menjaga dua anak yang masih kecil dan ibu yang uzur,” katanya.

Sementara itu, Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC), Nur Nazhzilah Mohammad Hashim memohon hukuman setimpal berbentuk pengajaran.

Mengikut fakta kes, mangsa membuat aduan kepada MCMC selepas melihat mesej lucah yang dihantar OKS. Pegawai MCMC dan polis membuat serbuan di Jertih, Terengganu dan merampas barang-barang kes.